JUZU' KE-29

SURAH AL-INSAN

SURAH KE **76**

سُورَةُ الإِنسَان

SURAH AL-INSAN

Surah Manusia

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **31**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

هَلْ أَتَىٰ عَلَى ٱلْإِنسَٰنِ حِينٌ مِّنَ ٱلدَّهْرِ لَمْ يَكُن شَيْـًٔا مَّذْكُورًا ﴿١﴾

إِنَّا خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن نُّطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَٰهُ
سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٢﴾

إِنَّا هَدَيْنَٰهُ ٱلسَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ سَلَٰسِلَا۟ وَأَغْلَٰلًا وَسَعِيرًا ﴿٤﴾

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِن كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا ﴿٥﴾

عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا عِبَادُ ٱللَّهِ يُفَجِّرُونَهَا تَفْجِيرًا ﴿٦﴾

يُوفُونَ بِٱلنَّذْرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُۥ مُسْتَطِيرًا ﴿٧﴾

وَيُطْعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾

إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمْ جَزَآءً وَلَا شُكُورًا ﴿٩﴾

إِنَّا نَخَافُ مِن رَّبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَمْطَرِيرًا ﴿١٠﴾

فَوَقَىٰهُمُ ٱللَّهُ شَرَّ ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمِ وَلَقَّىٰهُمْ نَضْرَةً وَسُرُورًا ﴿١١﴾

وَجَزَىٰهُم بِمَا صَبَرُوا۟ جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿١٢﴾

مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ ۖ لَا يَرَوْنَ فِيهَا شَمْسًا وَلَا
زَمْهَرِيرًا ﴿١٣﴾

وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظِلَٰلُهَا وَذُلِّلَتْ قُطُوفُهَا تَذْلِيلًا ﴿١٤﴾

وَيُطَافُ عَلَيْهِم بِـَٔانِيَةٍ مِّن فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرَا۠ ﴿١٥﴾

قَوَارِيرَا۟ مِن فِضَّةٍ قَدَّرُوهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنجَبِيلًا ﴿١٧﴾

عَيْنًا فِيهَا تُسَمَّىٰ سَلْسَبِيلًا ﴿١٨﴾

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَٰنٌ مُّخَلَّدُونَ إِذَا رَأَيْتَهُمْ حَسِبْتَهُمْ لُؤْلُؤًا
مَّنثُورًا ﴿١٩﴾

وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا وَمُلْكًا كَبِيرًا ﴿٢٠﴾

"Tidakkah manusia telah dilalui satu ketika dalam zaman, di mana dia belum lagi merupakan sesuatu yang dapat disebut(1). Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari nutfah yang bercampur (dari benih lelaki dan benih perempuan) dengan maksud untuk Kami mengujikannya, dan kerana itu Kami jadikannya mendengar dan melihat(2).Sesungguhnya Kami telah tunjukkan kepadanya jalan hidayat (dan terpulanglah kepadanya) sama ada ia menjadi seorang yang bersyukur atau menjadi seorang yang amat kafir(3). Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka yang bernyala-nyala(4). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu minum dari gelas minuman yang campurannya ialah haruman kapur(5). Iaitu matair yang diminum hamba-hamba kesayangan Allah, yang mereka alirkannya sesuka mereka(6). Mereka menyempurnakan nazar dan takutkan Hari Qiamat yang malapetakanya meluas merata-rata(7). Dan memberikan makanan yang disayanginya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan(8). (Mereka berkata:) Sesungguhnya Kami memberi makanan kepada kamu semata-mata kerana Allah, Kami tidak berkehendak apa-apa balasan dan terima kasih dari kamu(9). Sesungguhnya kami takut kepada 'azab Tuhan kami, iaitu 'azab Hari Qiamat yang membuat muka manusia masam kusam dan suram muram (10). Lalu Allah peliharakan mereka dari malapetaka hari itu dan memberikan mereka wajah yang berseri-seri dan hati yang gembira(11). Dan dengan sebab kesabaran mereka Allah balaskan mereka dengan Syurga dan sutera(12). Mereka bersandar rehat dalam Syurga di atas takhta-takhta yang berhias. Dan di sana mereka tidak melihat matahari dan tidak pula (merasa) suhu yang amat sejuk(13). Naungan pokok-pokoknya merunduk dekat di atas mereka dan buah-buahannya dapat dipetik dengan semudah-mudahnya(14). Dan kepada mereka diedarkan minuman-minuman di dalam bejana-bejana perak dan gelas-gelas yang jernih seperti

kaca(15). Iaitu kaca-kaca dari perak yang telah diukur dengan ukuran yang sebaik-baiknya(16). Di sana juga mereka dihidangkan gelas minuman yang bercampur zanjabil(17). Iaitu sebuah matair di dalam Syurga yang dinamakan matair Salsabil(18). Pelayan-pelayan remaja yang kekal muda mengelilingi mereka dan apabila engkau melihat mereka, engkau akan menyangka mereka mutiara-mutiara yang bertaburan(19). Dan andainya engkau melihat di sana (Syurga), nescaya engkau melihat aneka ni'mat dan kerajaan yang amat luas."(20).

عَٰلِيَهُمْ ثِيَابُ سُندُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ ۖ وَحُلُّوٓا۟ أَسَاوِرَ مِن فِضَّةٍ وَسَقَىٰهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا ﴿٢١﴾

إِنَّ هَٰذَا كَانَ لَكُمْ جَزَآءً وَكَانَ سَعْيُكُم مَّشْكُورًا ﴿٢٢﴾

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ تَنزِيلًا ﴿٢٣﴾

فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَٱسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ يُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ وَيَذَرُونَ وَرَآءَهُمْ يَوْمًا ثَقِيلًا ﴿٢٧﴾

نَّحْنُ خَلَقْنَٰهُمْ وَشَدَدْنَآ أَسْرَهُمْ ۖ وَإِذَا شِئْنَا بَدَّلْنَآ أَمْثَٰلَهُمْ تَبْدِيلًا ﴿٢٨﴾

إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿٢٩﴾

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٣٠﴾

يُدْخِلُ مَن يَشَآءُ فِى رَحْمَتِهِۦ ۚ وَٱلظَّٰلِمِينَ أَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًۢا ﴿٣١﴾

"Mereka memakai pakaian-pakaian dari sutera yang halus berwarna hijau dan dari sutera yang tebal, dan mereka dihiaskan dengan gelang-gelang tangan perak, dan Tuhan mereka memberikan mereka minuman yang suci(21). Semuanya ini adalah balasan untuk kamu, dan segala amalan kamu adalah disyukuri (disanjung tinggi)(22). (Wahai Muhammad!) Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur(23). Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka(24). Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyanglah) pagi dan petang(25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang (sembahyang tahajjud)(26). Sesungguhnya mereka (orang-orang kafir) cintakan kehidupan dunia dan membelakangkan Hari Akhirat yang amat berat(27). Kami telah menciptakan mereka dan menguatkan anggota-anggota dan sendi-sendi mereka, dan apabila Kami kehendaki Kami gantikan mereka dengan orang-orang seperti mereka(28). Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an ini adalah peringatan. Oleh itu, sesiapa yang berkehendak (kebahagiaan) hendaklah dia memilih jalan menuju kepada Tuhannya(29). Dan kamu tidak menghendaki sesuatu melainkan jika Allah menghendakinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(30). Dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya (Syurga) sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan untuk orang-orang yang zalim Allah sediakan 'azab yang amat pedih."(31).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Atas Sebab-sebab Tertentu Surah Ini Ditarjihkan Turun Di Makkah

Menurut setengah-setengah riwayat, surah ini diturunkan di Madinah. Tetapi ia sebenarnya diturun di Makkah. Sifat-sifat Makkiyahnya amat jelas dari segi pokok pembicaraannya, gaya susunan ayat-ayatnya dan dalam semua ciri-cirinya yang lain. Oleh kerana itulah kami tarjihkan riwayat-riwayat yang mengatakan surah ini diturunkan di Makkah. Bahkan dari gaya susunan ayat-ayatnya kami dapati surah ini adalah dari surah-surah yang awal turun di Makkah. Ini dibuktikan oleh adanya gambaran-gambaran ni'mat Syurga yang fizikal yang panjang lebar dan gambaran-gambaran 'azab yang berat, juga dibuktikan oleh adanya arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya bersabar menunggu keputusan Allah dan supaya jangan mengikut golongan orang-orang yang berdosa dan tidak beriman. Arahan-arahan seperti itu biasanya turun ketika da'wah dan pejuang-pejuangnya menghadapi tentangan-tentangan yang hebat di Makkah, sedangkan orang-orang Musyrikin dibiarkan begitu sahaja. Rasulullah s.a.w. disuruh supaya berdiri teguh di atas agama yang benar yang diturunkan kepadanya dan jangan terpengaruh kepada pujukan-pujukan mereka sebagaimana terdapat dalam Surah al-Qalam, Surah al-Muzzammil dan Surah al-Muddaththir, arahan-arahan yang sama dengan arahan-arahan yang terdapat dalam surah ini. Oleh itu, pada hemat kami kemungkinan surah ini diturun di Madinah adalah sangat lemah dan tidak dapat dipertimbangkan.

* * * * * *

Da'wah Secara Lemah-lembut

Kandungan surah ini pada keseluruhannya merupakan seruan-seruan yang lemah-lembut supaya ta'at kepada Allah, berlindung pada-Nya, mencari keredhaan-Nya, mengenangkan ni'mat dan limpah kurnia-Nya, melindungkan diri dari 'azab-Nya, menyedari ujian-ujian-Nya dan memahami hikmat-hikmat-Nya di bidang-bidang penciptaan, pemberian-

pemberian ni'mat, cubaan dan penangguhan 'azab-Nya.

Surah ini dimulakan dengan pertanyaan yang menyentuh hati manusia. Di manakah dia berada sebelum diwujudkan ke alam ini? Siapakah yang mewujudkannya? Siapakah yang menciptakannya dari tiada kepada sesuatu yang boleh disebut?

هَلۡ أَتَىٰ عَلَى ٱلۡإِنسَٰنِ حِينٞ مِّنَ ٱلدَّهۡرِ لَمۡ يَكُن شَيۡـٔٗا مَّذۡكُورًا ١

"Tidakkah manusia telah dilalui satu ketika dalam zaman, di mana dia belum lagi merupakan sesuatu yang dapat disebut."(1)

Asal-usul Kejadian Manusia Dan Sumber Hidayat

Kemudian diikuti pula dengan penerangan mengenai asal-usul kejadiannya, mengenai hikmat dia diciptakan dan bagaimana dia dilengkapkan dengan tenaga-tenaga dan daya berfikir:

إِنَّا خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِن نُّطۡفَةٍ أَمۡشَاجٖ نَّبۡتَلِيهِ فَجَعَلۡنَٰهُ سَمِيعَۢا بَصِيرًا ٢

"Sesungguhnya Kami ciptakan manusia dari nutfah yang bercampur (dari benih lelaki dan benih perempuan) dengan maksud untuk Kami mengujikannya, dan kerana itu Kami jadikannya mendengar dan melihat."(2)

Sentuhan yang ketiga ialah mengenai pemberian hidayat dan pertolongan Allah kepada manusia untuk menuju ke jalan yang lurus dan pemberian kebebasan untuk memilih jalan hidupnya:

إِنَّا هَدَيۡنَٰهُ ٱلسَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرٗا وَإِمَّا كَفُورًا ٣

"Sesungguhnya Kami telah tunjukkan kepadanya jalan hidayat (dan terpulanglah kepadanya) sama ada ia menjadi seorang yang bersyukur atau menjadi seorang yang amat kafir."(3)

Seruan Menuju Ke Syurga Dan Ni'mat-ni'matnya

Selepas tiga sentuhan yang membawa manusia berfikir panjang dan merenung jauh ke belakang dan melihat ke zaman depan dan membuat mereka berhati-hati memilih jalan itu, Al-Qur'an menyeru manusia yang sedang berada di persimpangan jalan itu supaya menjauhi jalan ke Neraka dan menggalakkan mereka ke jalan Syurga dengan menggunakan segala galakan dan segala bentuk seruan ke arah mencapai kerehatan, keni'matan dan penghormatan:

إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا لِلۡكَٰفِرِينَ سَلَٰسِلَاْ وَأَغۡلَٰلٗا وَسَعِيرًا ٤

إِنَّ ٱلۡأَبۡرَارَ يَشۡرَبُونَ مِن كَأۡسٖ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا ٥

عَيۡنٗا يَشۡرَبُ بِهَا عِبَادُ ٱللَّهِ يُفَجِّرُونَهَا تَفۡجِيرٗا ٦

"Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka yang bernyala-nyala(4). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu minum dari gelas minuman yang campurannya ialah haruman kapur(5). Iaitu matair yang diminum hamba-hamba kesayangan Allah, yang mereka alirkannya sesuka mereka."(6)

Dan sebelum menayangkan gambaran-gambaran ni'mat, Al-Qur'an melukiskan sifat-sifat orang-orang yang ta'at itu dengan kata-kata yang seluruhnya membayangkan kemesraan, lemah-lembut, indah dan khusyu' sesuai dengan gambaran ni'mat yang melimpah-ruah itu:

Orang-orang Ta'at Dan Balasannya

يُوفُونَ بِٱلنَّذۡرِ وَيَخَافُونَ يَوۡمٗا كَانَ شَرُّهُۥ مُسۡتَطِيرٗا ٧

وَيُطۡعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسۡكِينٗا وَيَتِيمٗا وَأَسِيرًا ٨

إِنَّمَا نُطۡعِمُكُمۡ لِوَجۡهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمۡ جَزَآءٗ وَلَا شُكُورًا ٩

إِنَّا نَخَافُ مِن رَّبِّنَا يَوۡمًا عَبُوسٗا قَمۡطَرِيرٗا ١٠

"Mereka menyempurnakan nazar dan takutkan Hari Qiamat yang malapetakanya meluas merata-rata(7). Dan memberikan makanan yang disayanginya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan(8). (Mereka berkata:) Sesungguhnya kami memberi makanan kepada kamu semata-mata kerana Allah, kami tidak berkehendak apa-apa balasan dan terima kasih dari kamu(9). Sesungguhnya kami takut kepada 'azab Tuhan kami, iaitu 'azab Hari Qiamat yang membuat muka manusia masam kusam dan suram muram."(10)

Kemudian ditunjukkan pula balasan orang-orang yang ta'at menjunjung perintah-perintah Allah dan menunaikan kewajipan-kewajipan mereka, orang-orang yang takut kepada Hari Qiamat, orang-orang yang menghulurkan makanan yang disayanginya kepada orang-orang yang memerlukannya semata-mata kerana Allah, bukan kerana mengharapkan terima kasih dan pujian dari seseorang, malah kerana takut kepada Hari Qiamat yang mengubahkan muka-muka manusia menjadi masam kusam dan suram muram. Seterusnya ditunjukkan pula balasan kepada orang-orang yang takut (kepada Allah), orang-orang yang memberi makanan kepada orang-orang miskin, anak-anak yatim dan tawanan mengutamakan keperluan mereka dari keperluan diri sendiri. Balasan yang diperolehi, mereka ialah keamanan, kemewahan dan ni'mat-ni'mat yang mewah dan senang-lenang:

فَوَقَىٰهُمُ ٱللَّهُ شَرَّ ذَٰلِكَ ٱلۡيَوۡمِ وَلَقَّىٰهُمۡ نَضۡرَةٗ وَسُرُورٗا ١١

وَجَزَىٰهُم بِمَا صَبَرُواْ جَنَّةٗ وَحَرِيرٗا ١٢

مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلۡأَرَآئِكِۖ لَا يَرَوۡنَ فِيهَا شَمۡسٗا وَلَا زَمۡهَرِيرٗا ١٣

وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظِلَٰلُهَا وَذُلِّلَتْ قُطُوفُهَا تَذْلِيلًا ﴿١٤﴾

وَيُطَافُ عَلَيْهِم بِـَٔانِيَةٍ مِّن فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرَا۠ ﴿١٥﴾

قَوَارِيرَا۟ مِن فِضَّةٍ قَدَّرُوهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنجَبِيلًا ﴿١٧﴾

عَيْنًا فِيهَا تُسَمَّىٰ سَلْسَبِيلًا ﴿١٨﴾

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَٰنٌ مُّخَلَّدُونَ إِذَا رَأَيْتَهُمْ حَسِبْتَهُمْ لُؤْلُؤًا مَّنثُورًا ﴿١٩﴾

وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا وَمُلْكًا كَبِيرًا ﴿٢٠﴾

عَٰلِيَهُمْ ثِيَابُ سُندُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ وَحُلُّوٓا۟ أَسَاوِرَ مِن فِضَّةٍ وَسَقَىٰهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا ﴿٢١﴾

إِنَّ هَٰذَا كَانَ لَكُمْ جَزَآءً وَكَانَ سَعْيُكُم مَّشْكُورًا ﴿٢٢﴾

"Lalu Allah peliharakan mereka dari malapetaka hari itu dan memberikan mereka wajah yang berseri-seri dan hati yang gembira(11). Dan dengan sebab kesabaran mereka Allah balaskan mereka dengan Syurga dan sutera(12). Mereka bersandar rehat dalam Syurga di atas takhta-takhta yang berhias. Dan di sana mereka tidak melihat matahari dan tidak pula (merasa) suhu yang amat sejuk(13). Naungan pokok-pokoknya merunduk dekat di atas mereka dan buah-buahannya dapat dipetik dengan semudah-mudahnya(14). Dan kepada mereka diedarkan minuman-minuman di dalam bejana-bejana perak dan gelas-gelas yang jernih seperti kaca(15). Iaitu kaca-kaca dari perak yang telah diukur dengan ukuran yang sebaik-baiknya(16). Di sana juga mereka dihidangkan gelas minuman yang bercampur zanjabil(17). Iaitu sebuah matair di dalam Syurga yang dinamakan matair Salsabil(18). Pelayan-pelayan remaja yang kekal muda mengelilingi mereka dan apabila engkau melihat mereka, engkau akan menyangka mereka mutiara-mutiara yang bertaburan(19). Dan andainya engkau melihat di sana (Syurga), nescaya engkau melihat aneka ni'mat dan kerajaan yang amat luas(20). Mereka memakai pakaian-pakaian dari sutera yang halus berwarna hijau dan dari sutera yang tebal, dan mereka dihiaskan dengan gelang-gelang tangan perak, dan Tuhan mereka memberikan mereka minuman yang suci(21). Semuanya ini adalah balasan untuk kamu, dan segala amalan kamu adalah disyukuri (disanjung tinggi)."(22)

Arahan Supaya Meneruskan Perjuangan Da'wah

Setelah mempamerkan ni'mat-ni'mat yang mewah, Al-Qur'an tujukan pula bicaranya kepada Rasulullah s.a.w. supaya terus memperjuangkan da'wah walaupun menghadapi tentangan dan pendustaan, juga supaya bersabar menunggu keputusan Allah dan supaya sentiasa berhubung dengan Allah dan memohon pertolongan dari-Nya setiap kali menempuh jalan yang sukar:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ تَنزِيلًا ﴿٢٣﴾

فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَٱسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur(23). Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka(24). Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyanglah) pagi dan petang(25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang."(26)

Kemudian mereka diperingatkan dengan hari yang amat berat, yang tidak diperhitungkan mereka, sedangkan hari itulah yang ditakuti oleh para Abrar. Mereka juga diberi sindiran terhadap kehinaan dan kekerdilan mereka di sisi Allah. Dialah yang telah menciptakan mereka dan mengurniakan kekuatan kepada mereka, dan Dialah juga yang berkuasa menghapuskan mereka dan menukarkan mereka dengan satu kaum yang lain andainya tidak kerana kemurahan Allah mengurniakan mereka ni'mat hidup yang berterusan supaya terlaksana kehendak ujian Allah. Kemudian pada akhirnya diterangkan akibat ujian itu kepada mereka:

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ يُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ وَيَذَرُونَ وَرَآءَهُمْ يَوْمًا ثَقِيلًا ﴿٢٧﴾

نَّحْنُ خَلَقْنَٰهُمْ وَشَدَدْنَآ أَسْرَهُمْ وَإِذَا شِئْنَا بَدَّلْنَآ أَمْثَٰلَهُمْ تَبْدِيلًا ﴿٢٨﴾

إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿٢٩﴾

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٣٠﴾

يُدْخِلُ مَن يَشَآءُ فِى رَحْمَتِهِۦ وَٱلظَّٰلِمِينَ أَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya mereka (orang-orang kafir) cintakan kehidupan dunia dan membelakangkan Hari Akhirat yang amat berat(27). Kami telah menciptakan mereka dan menguatkan anggota-anggota dan sendi-sendi mereka, dan apabila Kami kehendaki Kami gantikan mereka dengan

orang-orang seperti mereka(28). Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an ini adalah peringatan. Oleh itu, sesiapa yang berkehendakkan (kebahagiaan) hendaklah dia memilih jalan menuju kepada Tuhan-nya(29). Dan kamu tidak menghendaki sesuatu melainkan jika Allah menghendakinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(30). Dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya (Syurga) sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan untuk orang-orang yang zalim Allah sediakan 'azab yang amat pedih."(31)

* * * * * *

Manusia Dicipta Untuk Menghadapi Ujian Allah

Permulaan surah ini mengingatkan manusia terhadap asal-usul kejadian mereka dan bagaimana Allah merancangkan penciptaan mereka dengan tujuan untuk menguji mereka, dan pada akhirnya diterangkan akibat dari ujian itu mengikut sebagaimana kehendak iradat-Nya yang awal. Bahagian permulaan dan bahagian akhir surah ini menyarankan bahawa di sebalik seluruh kehidupan itu terdapat pentadbiran dan perencanaan Allah, yang tidak seharusnya manusia terus bertindak sewenang-wenang tanpa sedarkan diri dan berfikir, sedangkan ia dijadikan untuk menghadapi ujian Allah dan dikurniakan kebolehan berfikir supaya ia berjaya dalam ujian itu.

Mengapa Allah Tekankan Ni'mat Fizikal

Di antara permulaan dan akhir surah ini terdapat gambaran Al-Qur'an yang paling panjang mengenai pemandangan-pemandangan ni'mat di Akhirat jika dibandingkan dengan gambaran-gambaran ni'mat yang dihuraikan dalam Surah al-Waqi'ah. Ni'mat-ni'mat itu pada keseluruhannya merupakan ni'mat-ni'mat fizikal di samping ni'mat penerimaan dan penghormatan. Dan dengan gambaran-gambaran ni'mat fizikal yang panjang lebar itu menunjukkan surah ini diturun di Makkah, kerana umat Arab di masa itu sangat hampir dengan zaman jahiliyah, dan sangat tertarik dengan keni'matan-keni'matan yang dapat dirasa dengan pancaindera mereka, malah jenis keni'matan-keni'matan seperti ini masih tetap menarik perhatian dan minat berbagai-bagai golongan manusia dan layak menjadi balasan yang memuaskan hati mereka. Allah Azawajalla sahaja yang tahu apakah balasan yang sesuai untuk mereka mengikut tabi'at kejadian dan perasaan mereka. Walau bagaimanapun terdapat ni'mat-ni'mat yang lebih tinggi dan lebih halus dari ni'mat-ni'mat fizikal sebagaimana diterangkan di dalam Surah al-Qiamat:

"Pada Hari Qiamat, wajah-wajah berseri memandang kepada Tuhannya."

(Suah al-Qiamah : 22-23)

Allah S.W.T. lebih arif dengan segala balasan-balasan yang baik untuk para hamba kesayangan-Nya dalam segala keadaan.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

"Tidakkah manusia telah dilalui satu ketika dalam zaman, di mana dia belum lagi merupakan sesuatu yang dapat disebut."(1)

Manusia Tidak Setua Alam, Ia Hanya Penghuni Baru

Pertanyaan di permulaan surah ini merupakan pertanyaan untuk penjelasan. Pertanyaan itu dibuat sedemikian rupa seolah-olah supaya manusia bertanya kepada dirinya sendiri: Tidakkah dia tahu bahawa dia telah dilalui satu ketika dalam zaman di mana dia belum lagi menjadi sesuatu yang dapat disebut? Tidakkah dia memikirkan hakikat ini dengan sebaik-baiknya? Kemudian tidakkah pemikirannya itu melahirkan di dalam hatinya kesedaran adanya tangan qudrat Ilahi yang menolaknya ke pentas hayat dan menyorotkan cahaya lampu kepadanya dan menjadikannya satu makhluk yang dapat disebut setelah selama ini tidak pernah disebut-sebut.

Pertanyaan ini menimbulkan berbagai-bagai saranan dalam pembicaraan ini, iaitu saranan-saranan yang halus dan mendalam yang merangsangkan berbagai-bagai menungan dan renungan.

Di antaranya ialah renungan ke zaman sebelum wujudnya manusia atau sebelum manusia diciptakan, Alam ini telah wujud sekian lama tanpa manusia. Bagaimana manusia ketika itu? Manusia adalah satu makhluk yang begitu angkuh dengan dirinya dan dengan nilai dirinya hingga dia terlupa bahawa alam ini telah sekian lama ada sebelum dia diciptakan lagi, dan mungkin alam tidak menduga bahawa satu makhluk yang bernama manusia akan diwujudkan, hingga datanglah iradat Allah dan lahirlah manusia ke alam al-wujud.

Di antaranya lagi ialah renungan kepada detik waktu lahirnya manusia. Di sana terdapat berbagai-bagai kefahaman mengenai detik waktu kelahiran ini yang tidak diketahui melainkan Allah. Itulah detik waktu yang menambahkan satu makhluk baru kepada alam, iaitu satu makhluk yang telah direncanakan kewujudannya dan peranannya di dalam perjalanan alam buana yang panjang ini sebelum ia diciptakan.

Di antaranya pula ialah renungan kepada tangan qudrat yang menolak makhluk yang baru ini ke pentas alam al-wujud, dan menyediakan peranan-peranannya di alam dan menyediakan peranan-peranan alam kepadanya dan menghubungkan tali-temali hidupnya dengan alam seluruhnya dan seterusnya menyediakan untuknya segala suasana yang membolehkannya untuk hidup dan memainkan peranannya. Dan selepas itu tangan Ilahi terus mengikuti manusia pada setiap langkahnya bersama tali yang mengikatnya dengan tali-tali alam buana yang besar ini.

Di sana terdapat berbagai-bagai saranan dan pemerhatian-pemerhatian yang lain yang diterapkan oleh ayat ini di dalam hati, kemudian ia membawa hati menyedari adanya tujuan, matlamat dan perencanaan Ilahi dalam penciptaan manusia, dalam perjalanan hidup manusia dan di dalam kesudahan hidupnya.

Selepas itu kesinambungan hidup manusia mempunyai kisah yang lain pula:

إِنَّا خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ مِن نُّطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَـٰهُ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia nutfah yang bercampur (dari benih lelaki dan benih perempuan) dengan maksud untuk Kami mengujikannya, dan kerana itu Kami jadikannya mendengar dan melihat."(2)

Makna Nutfah Yang Bercampur

Mungkin kata-kata **"nutfah yang bercampur"** itu dimaksudkan dengan percantuman sperma lelaki dengan telur perempuan selepas perkahwinan atau persenyawaannya, dan mungkin pula dimaksudkan dengan campuran pembawa-pembawa sifat-sifat warisan yang tersembunyi di dalam nutfah itu. Menurut istilah ilmiyah pembawa-pembawa sifat-sifat warisan itu dipanggil gina (genes). Inilah agensi yang membawa sifat-sifat yang membezakan jenis manusia dari makhluk yang lain, dan kemudian agensi inilah juga yang membawa sifat-sifat keturunan keluarga bayi itu yang membezakannya dari keturunan keluarga-keluarga yang lain dan kepada agensi inilah dihubungkan perkembangan nutfah manusia dalam perjalanannya untuk membentuk bayi manusia bukannya bayi haiwan yang lain, juga dihubungkan warisan rupa paras yang tertentu yang terdapat dalam sesuatu keluarga. Mungkin inilah yang dimaksudkan dengan nutfah yang bercampur dari berbagai-bagai warisan.

Demikianlah manusia diciptakan oleh tangan qudrat Allah dari nutfah yang bercampur. Manusia bukan diciptakan sia-sia atau main-main sahaja, malah ia diciptakan untuk diuji dan dicuba. Allah S.W.T. memang tahu siapa dia manusia? Apakah ujian yang akan dilaluinya? Dan apakah akibat ujian itu? Tetapi iradat Allah mahu menzahirkan insan di atas pentas alam al-wujud dan melahirkan kesan-kesannya di alam al-wujud dan memberi balasan kepadanya mengikut natijah ujian yang dilaluinya.

Manusia Dilengkapkan Dengan Daya-daya Mendengar Dan Melihat Yang Menggerakkan Daya Berfikir

Oleh sebab itu Allah jadikannya dengan daya kebolehan mendengar dan melihat yakni Allah membekalkan manusia dengan daya-daya kefahaman supaya dia dapat menerima dan menyambut (da'wah) dan supaya dia dapat memahami benda-benda dan nilai-nilai serta dapat membuat keputusan dan pilihan, juga dapat melalui ujian itu mengikut pilihannya.

Jadi, iradat Allah mahukan jenis manusia itu berlanjutan hidupnya dan individu-individunya lahir berulang-ulang silih berganti melalui sarana yang telah ditentukannya, iaitu Allah jadikannya dari nutfah yang bercampur. Di sebalik kejadian manusia itu ada hikmat dan tujuan. Ia bukannya kejadian kebetulan yang tidak diduga, malah di sebalik kejadiannya ada ujian, iaitu ujian untuk menduga makhluk manusia. Oleh sebab itu Allah kurniakan kepadanya kesediaan untuk menerima dan menyahut da'wah, ilmu pengetahuan dan kebebasan memilih. Segala sesuatu mengenai penciptaannya, kelengkapan daya-daya akal yang dibekalkan kepadanya juga ujian yang dilakukan kepadanya adalah diatur dengan ukuran-ukuran yang wajar.

Di samping bekalan ilmu pengetahuan, Allah bekalkan manusia dengan daya kebolehan memilih jalan hidupnya. Allah telah menjelaskan kepada manusia jalan yang dapat menyampaikannya kepada Allah supaya dipilih olehnya atau ia menjadi sesat kerana mengikuti jalan-jalan yang lain yang tidak membawa kepada Allah:

إِنَّا هَدَيْنَـٰهُ ٱلسَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah tunjukkan kepadanya jalan hidayat (dan terpulanglah-kepadanya) sama ada ia menjadi seorang yang bersyukur atau menjadi seorang yang amat kafir."(3)

Insan Yang Beriman Bersyukur Atas Ni'mat kewujudannya

Allah ungkapkan hidayat dengan kata-kata syukur, kerana kesyukuran itulah perasaan yang paling dekat di dalam hati orang yang mendapat hidayat, iaitu setelah dia sedar bahawa satu masa dulu dia belum lagi wujud sebagai satu makhluk yang boleh disebut, kemudian dengan kehendak Allah barulah dia muncul ke alam al-wujud sebagai makhluk yang boleh disebut. Di samping itu Allah kurniakan kepadanya daya-daya pendengaran dan penglihatan, daya-daya mengenal dan mengetahui. Kemudian Allah menunjukkan kepadanya jalan hidayat dan memberikan kepadanya kebebasan untuk memilih jalan hidup jadi rasa bersyukur itulah merupakan perasaan pertama yang terlintas di dalam hati seseorang Mu'min dalam konteks ini. Dan andainya dia tidak bersyukur bererti dia seorang yang ingkarkan ni'mat-ni'mat Allah yang amat besar itu.

Selepas penerangan ringkas terhadap ketiga-tiga ayat ini, seseorang manusia akan merasa betapa serius dan halusnya urusan penciptaan insan dan menyedari bahawa dia diciptakan Allah, kerana sesuatu matlamat yang tertentu. Dia terikat pada satu paksi yang tetap, dia dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, kerana itu dia bertanggungjawab, terhadap segala tindak-tanduknya. Dia diwujudkan ke dunia ini untuk menempuh ujian. Oleh itu, selama dia berada di dunia ini, bererti dia berada dalam tempoh ujian bukannya berada dalam tempoh bersuka ria, bermain-main dan lalai cuai. Pendeknya dari tiga ayat ini ia mendapat bekalan dari berbagai-bagai hasil

penelitian yang halus dan mendalam, juga merasa belakangnya begitu berat memikul tanggungjawab, di samping merasa serius dan tenang dalam memahami kehidupan dunia ini dan menyedari hasil-hasil ujian di sebalik kehidupan ini. Ketiga-tiga ayat itu pada umumnya menghubungkan pandangannya terhadap matlamat-matlamat kewujudannya, mengubahkan perasaannya terhadap hakikat kewujudannya dan mengubahkan sikapnya terhadap hidup dan nilai-nilainya.

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Justeru itu Al-Qur'an menerangkan pula akibat-akibat yang menunggu manusia selepas ia menghadapi ujian itu dan selepas ia memilih jalan kesyukuran atau jalan kekufuran. Al-Qur'an menceritakan balasan 'azab yang menunggu orang-orang kafir itu dengan ringkas sahaja, kerana suasana surah ini ialah suasana kemewahan dan kesenangan, juga suasana seruan ke arah mencapai ni'mat-ni'mat yang selesa. Oleh itu, cerita balasan 'azab hanya disebut dengan ringkas sahaja:

إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ سَلَٰسِلَا۟ وَأَغْلَٰلًا وَسَعِيرًا ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka yang bernyala-nyala."(4)

Menerima Balasan Selepas Ujian Dan Memilih Jalan

Iaitu belenggu-belenggu untuk mengikatkan kaki dan memasungkan tangan dan api Neraka yang galak untuk dicampakkan mereka ke dalamnya dengan kakitangan yang terbelenggu.

Kemudian ayat yang berikut dengan segera menayangkan ni'mat-ni'mat Syurga:

"Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu minum dari gelas minuman yang campurannya ialah haruman kapur(5). Iaitu matair yang diminum hamba-hamba kesayangan Allah, yang mereka alirkannya sesuka mereka."(6)

Manusia Tidak Memahami Ni'mat Syurga Kecuali Digambarkan Dengan Istilah Ni'mat Dunia

Ayat ini menjelaskan bahawa minuman orang-orang yang ta'at atau para Abrar di dalam Syurga ialah air campuran dengan haruman kapur, iaitu mereka minum di dalam gelas yang diambil dari matair yang sentiasa mengalir dengan banyaknya. Biasanya orang-orang Arab mencampurkan minuman arak, kadang-kadang dengan kapur dan kadang-kadang dengan halia untuk menambahkan kelazatannya. Dengan keterangan ini tahulah mereka bahawa di Syurga kelak akan disediakan minuman yang bercampur kapur dengan mewahnya, tetapi taraf minuman ini tentulah lebih manis dan nyaman lagi dari minuman-minuman dunia dan kelazatannya berlipat kali ganda. Kita yang hidup di dunia ini tidak mampu untuk menentukan mutu dan jenis keni'matan dan kelazatan di dalam Syurga. Segala sifat-sifat keni'matan itu hanya diterangkan dengan maksud memudahkan kita memahaminya sahaja, kerana Allah tahu manusia tidak pernah meni'mati keni'matan-keni'matan yang lain dari keni'matan-keni'matan yang ada pada mereka untuk memahami keni'matan di alam Syurga yang ghaib dan tersembunyi itu.

Di dalam ayat yang pertama, mereka yang dikurniakan ni'mat Syurga itu dinamakan Abrar (أبرار) atau orang-orang yang ta'at, dan di dalam ayat yang kedua dinamakan 'Ibadullah atau hamba-hamba kesayangan Allah. Ini ialah untuk memuliakan mereka dan mengumumkan kelebihan dan darjah kehampiran mereka kepada Allah sesuai dengan tempat, di mana ditayangkan pemandangan ni'mat-ni'mat dan penghormatan.

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 10)

Kemudian Al-Qur'an memperkenalkan sifat-sifat orang-orang yang ta'at yang menjadi hamba-hamba kesayangannya:

يُوفُونَ بِٱلنَّذْرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُۥ مُسْتَطِيرًا ﴿٧﴾

وَيُطْعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾

إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمْ جَزَآءً وَلَا شُكُورًا ﴿٩﴾

إِنَّا نَخَافُ مِن رَّبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَمْطَرِيرًا ﴿١٠﴾

"Mereka menyempurnakan nazar dan takutkan Hari Qiamat yang malapetakanya meluas merata-rata(7). Dan memberikan makanan yang disayanginya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan(8). (Mereka berkata:) Sesungguhnya kami memberi makanan kepada kamu semata-mata kerana Allah, kami tidak berkehendak apa-apa balasan dan terima kasih dari kamu(9). Sesungguhnya kami takut kepada 'azab Tuhan kami, iaitu 'azab Hari Qiamat yang membuat muka manusia masam kusam dan suram muram."(10)

Sifat-sifat Para Abrar (أبرار)

Itulah satu gambaran yang gemilang bagi hati orang-orang yang ikhlas dan penuh azam untuk menunaikan komitmen-komitmen dan kewajipan-kewajipan 'aqidah, juga hati orang-orang yang penuh dengan perasaan kasihan belas terhadap hamba-hamba-Nya yang lemah, hati yang lebih mementingkan kebajikan orang lain dari kebajikan dirinya sendiri, hati yang takut kepada Allah dan yakin mendapat keredhaan-Nya, juga hati yang takut kepada 'azab Allah kerana dirangsangkan oleh taqwa dan sikap serius dalam memahami kewajipan yang berat itu.

"Mereka menyempurnakan nazar."(7)

Menyempurnakan Kewajipan Dan Tanggungjawab

Mereka melaksanakan segala keta'atan dan kewajipan-kewajipan yang mereka wajibkan ke atas diri mereka. Mereka menganggapkan perkara itu sebagai perkara yang sungguh-sungguh, mereka tidak cuba mengelakkan diri dari bebanan-bebanan dan tanggungjawab-tanggungjawabnya dan tidak pula cuba meninggalkannya setelah dia menyatakan keazamannya. Inilah maksud dari ungkapan **"mereka menyempurnakan nazar"** iaitu pengertian yang lebih umum pengertian biasa kata-kata "nazar".

وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُۥ مُسْتَطِيرًا ﴿٧﴾

"Dan takutkan Hari Qiamat yang malapetakanya meluas merata-rata."(7)

Takut Kepada Malapetaka Qiamat

Mereka tahu sifat malapetaka Hari Qiamat itu merebak merata-rata dan menimpa manusia-manusia yang lalai cuai dan berdosa, kerana itu mereka takut ditimpa malapetaka seperti itu. Inilah sifat orang-orang yang bertaqwa, yang benar-benar merasa betapa berat dan besarnya bebanan kewajipan menjunjung perintah-perintah Allah, mereka takut berlakunya kecuaian dan ketidaksempurnaan dalam pelaksanaan tugas-tugas mereka walaupun sebanyak mana mereka menunaikan amalan-amalan ibadat dan keta'atan itu.

"Dan memberikan makanan yang disayanginya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan."(8)

Mengutamakan Kepentingan Golongan Yang Lemah

Inilah gambaran perasaan mereka yang suka membuat kebajikan dan menolong orang lain dengan memberi makanan kepada mereka walaupun mereka sendiri memerlukan makanan itu, tetapi mereka utamakan orang-orang yang benar-benar memerlukannya. Hati yang seperti ini tidak boleh disifatkan sebagai hati yang sayangkan makanan yang diberikan kepada orang-orang lemah yang benar-benar memerlukannya, kecuali ia sendiri juga memerlukan makanan itu, tetapi ia lebih mementingkan keperluan orang-orang yang lemah.

Ayat ini membayangkan kekejaman masyarakat kaum Musyrikin di Makkah. Mereka tidak memberi suatu apa kepada orang-orang yang dhaif yang benar-benar memerlukan bantuan, tetapi mereka sanggup berbelanja besar untuk tujuan bermegah-megah. Berlainan dengan orang-orang Mu'min yang ta'at, mereka ibarat sebuah wadi yang teduh di tengahari yang panas dan kikir ini. Mereka memberi makanan dengan hati yang murah dan belas kasihan serta dengan niat yang ikhlas kerana Allah, sebagaimana ayat yang berikut mengungkapkan keadaan dan kata hati mereka:

"(Mereka berkata:) Sesungguhnya kami memberi makanan kepada kamu semata-mata kerana Allah, kami tidak berkehendak apa-apa balasan dan terima kasih dari kamu(9). Sesungguhnya kami takut kepada 'azab Tuhan kami, iaitu 'azab Hari Qiamat yang membuat muka manusia masam kusam dan suram muram."(10)

Itulah rasa belas kasihan yang lahir dari hati mereka yang lemah-lembut, yang sentiasa mencari keredhaan Allah. Mereka tidak mengharapkan balasan dan terima kasih dari makhluk. Mereka tidak bertujuan memperlihatkan kelebihan dan kemegahan mereka kepada orang-orang yang susah, malah dengan pemberian itu mereka berharap dapat melindungkan mereka dari malapetaka Qiamat yang sangat ditakuti itu. Mereka berbuat demikian kerana berpandu dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

اتق النار ولو بشق تمرة

"Peliharalah dirimu dari api Neraka walaupun dengan pemberian sebelah buah tamar."

Pemberian Bantuan Harus Dijiwai Semangat Mencari Keredhaan Allah

Di zaman itu memberi makanan secara langsung begini merupakan satu amalan untuk melahirkan rasa kasihan belas yang luhur. Ia merupakan satu cara untuk memenuhi keperluan orang-orang yang susah, tetapi kini cara-cara menghulurkan bantuan dan pertolongan telah pun berubah mengikut perubahan masyarakat dan keadaan zaman dan tidak lagi kekal dalam bentuk yang lama. Tetapi yang perlu dikekalkan ialah hati yang penuh kasihan belas dan perasaan simpati yang hidup segar serta keinginan berbuat kebaikan untuk mencari keredhaan Allah di samping membersihkan diri dari motif-motif keduniaan seperti mengharapkan balasan, terima kasih atau apa-apa faedah dalam kehidupan.

Kini berbagai-bagai cukai dan bayaran telah dikena dan diperuntukkan untuk perlindungan sosial dan kebajikan masyarakat dan membantu orang-orang yang susah, tetapi matlamat ini hanya menyempurnakan separuh tujuan Islam iaitu memenuhi keperluan golongan miskin yang diisyaratkan oleh ayat-ayat tadi dan yang menjadi objektif fardhu zakat. Kedua ialah mendidik dan mengasuh jiwa para penderma untuk ditingkatkan ke suatu taraf yang luhur, dan tujuan ini tidak harus diabai dan dipandang ringan supaya ukuran-ukuran tidak terbalik menyebabkan maksud yang baik itu dicap sebagai buruk dan pemberian hantuan itu disifatkan sebagai pemberian yang menghina para penerimanya dan merosakkan orang-orang yang memberinya.

Islam merupakan 'aqidah yang tersemat di dalam hati di samping merupakan satu methodologi tarbiyah untuk mendidik hati, kerana sentimen kasihan belas yang luhur itu dapat mendidik seseorang dan berguna kepada saudara-saudaranya yang menerima sentimen itu darinya. Oleh itu, usaha menolong orang-orang miskin itu merupa serampang dua mata yang dapat memenuhi maksud tarbiyah yang dikehendaki agama Islam.

Ayat ini memberi gambaran yang cemerlang bagi sentimen kasihan belas yang luhur itu.

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 22)

فَوَقَىٰهُمُ ٱللَّهُ شَرَّ ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمِ وَلَقَّىٰهُمْ نَضْرَةً وَسُرُورًا ﴿١١﴾

"Lalu Allah peliharakan mereka dari malapetaka hari itu dan memberikan mereka wajah yang berseri-seri dan hati yang gembira."(11)

Selamat Dari Malapetaka Qiamat

Ayat ini dari awal-awal lagi menyebut tentang keselamatan mereka dari bencana-bencana Qiamat yang ditakuti mereka untuk menenangkan hati mereka di dunia ini ketika menerima Al-Qur'an ini dan mempercayainya. Ayat ini menyebut bahawa mereka akan dikurniakan Allah wajah yang berseri-seri dan hati yang gembira.

Hari itu bukannya hari yang membuat muka mereka kelihatan masam kusam dan suram muram. Itulah balasan yang setimpal terhadap ketakutan mereka kepada Allah dan terhadap kelembutan hati dan perasaan mereka (kepada orang-orang yang susah).

Kemudian Al-Qur'an menggambarkan ni'mat-ni'mat Syurga yang diperolehi mereka:

وَجَزَىٰهُم بِمَا صَبَرُوا۟ جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿١٢﴾

"Dan dengan sebab kesabaran mereka Allah balaskan mereka dengan Syurga dan sutera."(12)

Mereka akan mendiami Syurga dan memakai pakaian-pakaian sutera yang indah.

"Mereka bersandar rehat dalam Syurga di atas takhta-takhta yang berhias. Dan di sana mereka tidak melihat panas matahari dan tidak pula (merasa) suhu yang amat sejuk."(13)

Alam Akhirat Alam Tanpa Matahari Dan Udara Dingin

Mereka sentiasa berada dalam kedudukan yang begitu rehat dan selesa. Udara di sekeliling mereka lembut, tidak panas dan tidak pula dingin. Tiada matahari yang menghangatkan tiupan angin dan tiada pula udara dingin yang membeku. Bolehlah kita katakan bahawa alam Akhirat itu adalah sebuah alam yang lain yang tidak bermatahari seperti di alam dunia ini atau mempunyai matahari-matahari lain yang serupa dengan matahari kita. Cukuplah setakat ini.

وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظِلَٰلُهَا وَذُلِّلَتْ قُطُوفُهَا تَذْلِيلًا ﴿١٤﴾

"Naungan pokok-pokoknya merunduk dekat di atas mereka dan buah-buahnya dapat dipetik dengan semudah-mudahnya."(14)

Apabila bayang-bayang yang teduh itu mendekat dan apabila buah-buahan dapat dipetik dari jarak yang dekat, maka itulah kerehatan dan kesenangan hidup yang paling ni'mat yang dapat digambarkan oleh imaginasi.

Inilah situasi kehidupan umum di dalam Syurga sebagai balasan Allah kepada para hamba-Nya yang ta'at. Keni'matan-keni'matan hidup di sana digambarkan kepada mereka dengan gambaran kesenangan hidup yang indah dan gemilang di dunia. Kemudian ni'mat-ni'mat dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di dalam Syurga dijelaskan dengan terperinci di dalam ayat-ayat yang berikut:

وَيُطَافُ عَلَيْهِم بِـَٔانِيَةٍ مِّن فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرَا۠ ﴿١٥﴾

قَوَارِيرَا۟ مِن فِضَّةٍ قَدَّرُوهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنجَبِيلًا ﴿١٧﴾

عَيْنًا فِيهَا تُسَمَّىٰ سَلْسَبِيلًا ﴿١٨﴾

"Dan kepada mereka diedarkan minuman-minuman di dalam bejana-bejana perak dan gelas-gelas yang jernih seperti kaca(15). Iaitu kaca-kaca dari perak yang telah diukur dengan ukuran yang sebaik-baiknya(16). Di sana juga mereka dihidangkan gelas minuman yang bercampur zanjabil(17). Iaitu sebuah matair di dalam Syurga yang dinamakan matair Salsabil."(18)

Minuman Yang Citarasa - Gelas-gelas Yang Aneh Dan Pelayan-pelayan Remaja Yang Awet Muda

Mereka hidup dengan sepenuh keni'matan, mereka berehat di atas takhta-takhta yang berhias di antara pokok-pokok yang rimbun merunduk rendah dan mudah dipetik buah-buahnya dan di dalam udara yang nyaman. Mereka diedarkan dengan minuman-minuman di dalam bejana-bejana dan gelas-gelas perak yang nipis seperti kaca yang belum pernah dilihat pada bejana perak di dunia. Gelas-gelas itu dibentuk dengan ukuran-ukuran yang memberi keindahan dan keni'matan. Kemudian minuman-minuman itu kadang-kadang dicampur dengan zanjabil dan kadang-kadang dicampur dengan haruman kapur. Minuman-minuman itu juga dipenuhkan di dalam gelas-gelas dari sebuah matair yang sentiasa mengalir bernama Salsabil yang amat citarasa.

Yang menambahkan keni'matan ialah pelayan-pelayan yang menghidangkan gelas-gelas minuman itu adalah terdiri dari pemuda-pemuda remaja yang berwajah tampan, yang kekal muda, tidak dimakan zaman dan dilusuhkan usia. Mereka selama-lamanya muda belia dan berseri-seri dan mereka berada di sana sini dalam Syurga seolah-olah mutiara yang bertaburan:

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَانٌ مُّخَلَّدُونَ إِذَا رَأَيْتَهُمْ حَسِبْتَهُمْ لُؤْلُؤًا مَّنثُورًا ﴿١٩﴾

"Pelayan-pelayan remaja yang kekal muda mengelilingi mereka dan apabila engkau melihat mereka, engkau akan menyangka mereka mutiara-mutiara yang bertaburan."(19)

Kemudian ayat yang berikut menggambarkan pemandangan-pemandangan yang indah di dalam Syurga itu dengan gambaran yang ringkas, iaitu pandangan sekilas yang merangkumi seluruh kesannya yang menjejak di dalam hati dan mata:

وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا وَمُلْكًا كَبِيرًا ﴿٢٠﴾

"Dan andainya engkau melihat di sana (Syurga), nescaya engkau melihat aneka ni'mat dan kerajaan yang amat luas."(20)

Pada umumnya di dalam suasana ni'mat dan naungan kerajaan yang luas inilah hidupnya para hamba Allah yang ta'at di alam Syurga.

Kemudian ayat yang berikut secara khusus menyebut salah satu dari gejala-gejala ni'mat dan kerajaan yang luas itu seolah-olah sebagai penjelasan mengapa Syurga digambarkan sedemikian rupa:

عَالِيَهُمْ ثِيَابُ سُندُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ ۖ وَحُلُّوا أَسَاوِرَ مِن فِضَّةٍ وَسَقَاهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا ﴿٢١﴾

"Mereka memakai pakaian-pakaian dari sutera yang halus berwarna hijau dan dari sutera yang tebal, dan mereka dihiaskan dengan gelang-gelang tangan perak, dan Tuhan mereka memberikan mereka minuman yang suci."(21)

Inilah perhiasan dan keni'matan yang diterima dari Allah, iaitu satu pemberian yang mulia dari Pengurnia Yang Maha Pemurah yang menambahkan lagi ni'mat-ni'mat Syurga.

Kemudian mereka menerima pengumuman yang penuh mesra dan penghormatan:

إِنَّ هَٰذَا كَانَ لَكُمْ جَزَاءً وَكَانَ سَعْيُكُم مَّشْكُورًا ﴿٢٢﴾

"Semuanya ini adalah balasan untuk kamu, dan, segala amalan kamu adalah disyukuri (disanjung tinggi)."(22)

Mereka menerima pengumuman itu dari al-Mala'ut-A'la, dan pengumuman ini sahaja menyamai seluruh ni'mat-ni'mat itu dan menambahkan nilainya.

Demikianlah tamatnya tayangan pemandangan ni'mat yang terperinci dan seruan yang menarik hati supaya mencapai ni'mat itu dan menghindarkan diri dari rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka yang bernyala-nyala. Kedua-dua bentuk balasan itu merupakan dua jalan hidup, iaitu jalan menuju ke Syurga dan jalan menuju ke Neraka.

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 26)

Setelah mengemukakan seruan menuju ke Syurga dengan segala ni'matnya yang mewah, maka ayat-ayat yang berikut membicarakan sikap kaum Musyrikin yang terus degil dan mendustakan Rasul. Mereka tidak faham hakikat da'wah, kerana itu mereka cuba tawar menawar dengan Rasulullah s.a.w. semoga beliau berhenti berda'wah atau berhenti mengemukakan mana-mana bahagian da'wah yang menyakiti mereka. Dalam masa menghadapi tawar menawar, penindasan-penindasan dan tindakan-tindakan jahat mereka terhadap orang-orang Mu'min dan usaha-usaha mereka menghalangkan orang ramai dari menganut agama Allah, juga sikap mereka yang menolak kebaikan, Syurga dan ni'matnya, maka di sini datangnya bahagian yang akhir dari surah ini untuk menangani keadaan ini mengikut cara Al-Qur'anul-Karim:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ تَنزِيلًا ﴿٢٣﴾

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ آثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

وَاذْكُرِ اسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾

وَمِنَ اللَّيْلِ فَاسْجُدْ لَهُ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur(23). Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka(24). Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyanglah) pagi dan petang(25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang (sembahyang tahajjud)."(26)

Di dalam empat ayat inilah tersembunyinya satu hakikat besar dari hakikat-hakikat da'wah yang harus diteliti dan dimenungi sedalam-dalamnya oleh setiap penda'wah. Mereka harus memikirkan makna-maknanya yang luas dari segi realiti, dari segi psikologi dan dari segi keimanan.

Sebab-sebab Sebenar Di Sebalik Penentangan Kaum Musyrikin Terhadap Islam

Rasulullah s.a.w. telah menghadapi kaum Musyrikin dengan da'wah kepada Allah Yang Tunggal, tetapi beliau tidak menghadapi mereka dari segi 'aqidah semata-mata. Andainya beliau menghadapi 'aqidah semata-mata tentulah perjuangannya jauh lebih mudah, kerana 'aqidah syirik yang dipegang mereka itu amat lemah dan tidak mampu untuk menentang 'aqidah Islam yang kuat, jelas dan mudah. Tetapi suasana-suasana dan kedudukan-kedudukan yang melingkungi 'aqidah syirik inilah yang menimbulkan

tentangan-tentangan sengit sebagaimana dicatatkan oleh riwayat-riwayat sejarah dan diceritakan oleh Al-Qur'an di berbagai-bagai surah. Persoalan mempertahankan taraf sosial dan nilai-nilai yang wujud dalam masyarakat serta kepentingan-kepentingan kebendaan inilah yang menjadi unsur pertama yang membawa kaum Musyrikin berpegang kukuh dengan 'aqidah syirik yang lemah dan karut itu untuk menentang 'aqidah Islam yang kuat dan lurus. Di samping itu budaya hidup jahiliyah dan kebebasan mereka berpoya-poya dalam keni'matan nafsu menambahkan lagi kedegilan mereka untuk menentang 'aqidah Islam yang baru, yang memperjuangkan akhlak-akhlak yang mulia dan nilai-nilai yang luhur, iaitu 'aqidah yang tidak membenarkan manusia hidup bebas mengikut hawa nafsu mereka atau hidup gila-gilaan yang tidak terikat dengan kawalan akhlak.

Sebab-sebab ini sama ada yang berhubungkait dengan taraf sosial, nilai-nilai lumrah dalam masyarakat, kekuasaan, harta kekayaan, kepentingan-kepentingan atau yang berhubungkait dengan kebiasaan hidup, adat dan budaya hidup tradisional atau yang berhubungkait dengan resam hidup yang bebas lepas dari nilai-nilai dan batas-batas akhlak, merupakan sebab-sebab tentangan pokok terhadap da'wah Islam yang pertama di zaman Rasulullah s.a.w., dan ia akan terus menjadi sebab-sebab penentangan yang utama terhadap da'wah di mana-mana negeri dan masyarakat, ia merupakan unsur-unsur yang tetap dalam perjuangan 'aqidah, iaitu unsur-unsur yang membuat perjuangan itu menjadi amat sengit dan amat sukar yang tidak tamat dalam masa yang dekat, juga membuat kesukaran-kesukaran, perjuangan, kos-kosnya dan pertahanannya merupakan beban-beban yang paling sulit.

Kerana itu setiap penda'wah kepada agama Allah yang berjuang di mana-mana negeri dan zaman harus meneliti dan menghayati sedalam-dalamnya hakikat yang besar yang terkandung di dalam ayat-ayat tadi, juga merenungi keadaan persekitaran turunnya ayat-ayat itu, kerana keadaan persekitaran yang sama itu merupakan yang tetap akan dihadapi oleh setiap penda'wah di mana-mana negeri dan zaman.

Rasulullah s.a.w. telah diperintahkan Allah supaya menyampaikan peringatannya kepada kaumnya:

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

(Surah al-Muddaththir)

Cara-cara Penentangan Yang Lumrah

Dan apabila beliau tampil melaksanakan perintah-perintah itu ia terus berdepan dengan sebab-sebab dan faktor-faktor yang membuat kaumnya bangkit menentang da'wah yang baru itu dan merangsangkan mereka berpegang kukuh dengan kepercayaan mereka walaupun mereka menyedarinya lemah dan rapuh. Mereka menentang dengan penuh kedegilan untuk mempertahankan kepercayaan-kepercayaan, kedudukan-kedudukan, taraf, kepentingan-kepentingan, adat kebiasaan mereka dan budaya berpoya-poya memuaskan hawa nafsu mereka yang terancam oleh da'wah Islam yang baru itu.

Mereka berdegil mempertahankannya dengan berbagai-bagai cara. Pada permulaannya mereka menindas kumpulan orang-orang Mu'min yang kecil yang menyahut da'wah yang baru itu, dengan mengazab dan menyeksakan mereka supaya meninggalkan agama Islam, kemudian mereka memburuk-burukkan 'aqidah Islam dan menaburkan keraguan di sekitar 'aqidah itu dan di sekitar Rasulullah s.a.w. dengan berbagai-bagai tuduhan dan tipu helah supaya tidak ada orang-orang baru beriman dengannya. Tindakan menghalangi orang ramai dari menyertai barisan Islam adalah lebih mudah dari menggoncangkan 'aqidah orang-orang Islam yang telah mengenal dan mengecapi kemanisan 'aqidah itu.

Serentak dalam waktu itu juga mereka mengadakan berbagai-bagai usaha terhadap Rasulullah s.a.w. selaku pemimpin da'wah. Mereka mengemukakan tawaran-tawaran yang menggiurkan di samping melakukan ancaman-ancaman dan penindasan-penindasan supaya beliau sanggup mencari jalan penyelesaian dengan mereka dan sanggup menghentikan da'wah yang mengganyangkan 'aqidah-'aqidah, undang-undang dan adat-adat resam mereka, dan supaya beliau sanggup berdamai dengan mereka dengan mengadakan satu persetujuan bersama, sebagaimana biasa dilakukan manusia apabila berlaku sesuatu pertelingkahan mengenai persoalan-persoalan kepentingan dan faedah-faedah yang bersangkutan dengan urusan hidup dunia yang biasa.

Cara-cara yang seperti inilah juga dihadapi oleh setiap penda'wah di mana-mana negeri dan masyarakat.

Nabi s.a.w., walaupun beliau seorang Rasul yang dipeliharakan Allah dari segala fitnah pesona dan tipu daya manusia, namun beliau adalah seorang manusia yang sedang menghadapi satu kenyataan hidup yang amat berat bersama segelintir pengikutnya yang lemah. Allah tahu hakikat ini semuanya, oleh itu, Allah tidak meninggalkan beliau seorang diri menghadapi kenyataan hidup yang berat itu tanpa membekalkan bantuan, pertolongan dan pedoman menuju ke jalan yang betul.

Bantuan, pertolongan dan pedoman itu adalah terkandung di dalam ayat-ayat berikut:

"(Wahai Muhammad!) Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur."(23)

Al-Qur'an Selaku Pedoman Dan Senjata Perjuangan Menghadapi Penentangan

Ayat ini menekankan peringatan pertama kepada sumber perintah memperjuangkan da'wah Islam dan sumber hakikatnya, iaitu da'wah Islam ini adalah dari Allah. Dialah sumber da'wah Islam yang tunggal. Dialah yang menurunkan Al-Qur'an membawa da'wah ini. Kerana itu tiada sumber dan tiada punca lain bagi da'wah melainkan Al-Qur'an. Hakikat da'wah ini tidak mungkin bercampur dengan sesuatu yang lain, yang tidak lahir dari sumber ini. Segala sesuatu yang lain dari sumber Al-Qur'an tidaklah boleh dijadikan punca untuk diambil panduan atau untuk dipinjam atau dicampuradukkan dengan da'wah Islam. Selain dari itu, Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an dan mentaklifkan da'wah ini tidak akan membiarkannya dan tidak akan meninggalkan penda'wahnya begitu sahaja.

Tetapi oleh kerana agama yang batil itu berlagak begitu angkuh dan kejahatan terus berleluasa, dan oleh kerana orang-orang Mu'min ditindas dan da'wah ke jalan Allah telah ditentang hebat oleh musuh-musuhnya yang degil, di samping mereka berdegil mempertahankan 'aqidah, undang-undang, adat resam dan budaya hidup mereka yang buruk dan jahat, oleh kerana mereka menawarkan perdamaian dan mengemukakan jalan tengah untuk penyelesaian, sedangkan tawaran itu tidak mudah untuk ditolak dalam sa'at-sa'at perjuangan yang genting itu, maka di sinilah Allah turunkan peringatan yang kedua:

فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

"Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka."(24)

Segala perkara adalah bergantung kepada perencanaan yang diaturkan oleh Allah. Dia memberi tangguhan kepada kebatilan dan kejahatan dan melanjutkan masa kesusahan dan masa ujian terhadap orang-orang Mu'min, semuanya itu kerana sesuatu hikmat yang diketahui-Nya dan dengan hikmat inilah Allah mengaturkan perencanaan-Nya dan melaksanakan keputusan-keputusan-Nya.

فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ

"Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu."(24)

Sabarlah hingga tiba sa'atnya yang ditentukan. Sabarlah menanggung penindasan dan fitnah, sabarlah melihat kebatilan terus mendapat kemenangan dan kejahatan masih terus merebak dan berleluasa. Sabarlah mempertahankan kebenaran yang diturunkan kepadamu, sabarlah dan janganlah engkau hiraukan tawaran-tawaran perdamaian dan penyelesaian jalan tengah dari mereka yang membahayakan 'aqidah Islam:

وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

"Dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka."(24)

Kerana mereka bukan menyeru kamu kepada keta'atan dan tidak pula kepada kebaikan dan kebajikan. Mereka adalah orang-orang yang berdosa dan tidak beriman kepada Allah. Mereka sebenarnya mahu menyerumu kepada sesuatu dosa dan kekufuran ketika mereka mengajakmu berdamai dan mencari jalan tengah dan ketika mereka mengemukakan tawaran-tawaran yang mereka fikir dapat menarik hatimu. Mereka telah mengemukakan berbagai-bagai tawaran kepada Rasulullah s.a.w., iaitu tawaran jawatan menjadi ketua mereka, tawaran harta kekayaan yang boleh menjadikannya seorang hartawan yang paling kaya di kalangan mereka dan tawaran wanita-wanita jelita. Pernah 'Uthah ibn Rabi'ah berkata kepada beliau: "Berhentikan da'wah ini supaya aku kahwinkan engkau dengan anak perempuan-ku, kerana akulah yang memiliki anak-anak perempuan paling cantik dalam suku Quraisy."

Itulah kepuasan nafsu-nafsu syahwat yang ditawarkan oleh pejuang-pejuang kehidupan yang batil untuk membeli penda'wah-penda'wah agama Allah di mana-mana negeri dan dalam setiap generasi manusia.

فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

"Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka."(24)

Tiada Titik Pertemuan Di Antara Islam Dan Jahiliyah

Kerana tiada titik pertemuan di antara engkau dengan mereka dan tidak mungkin didirikan satu jambatan di atas jurang yang memisahkan di antara budaya hidup engkau dengan budaya hidup mereka, di antara kefahaman engkau dengan kefahaman mereka terhadap alam, di antara kebenaran engkau dengan kebatilan mereka, di antara keimanan engkau dengan kebatilan mereka, di antara nur engkau dengan kegelapan mereka, di antara ilmu engkau dengan kejahilan mereka terhadap kebenaran.

Sabarlah wahai Muhammad! Walaupun masanya berlanjutan dan penindasan mereka semakin menjadi-jadi, godaan mereka semakin hebat dan jalan perjuangan masih panjang.......

Tetapi oleh kerana kesabaran itu sukar dan sulit, maka ia memerlukan bekalan dan bantuan yang tertentu. Inilah bekalannya:

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾

وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَٱسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

"Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyanglah) pagi dan petang(25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang (sembahyang tahajjud)."(26)

Bekalan Perjuangan

Bekalan itu ialah hubungan yang berterusan dengan Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepada engkau dan memberi tugas kepada engkau untuk menyampaikan da'wah-Nya. Allah punca kekuatan dan sumber bekalan dan bantuan. Hubungan yang berterusan itu dapat dilakukan dalam bentuk zikir, ibadat, do'a dan tasbih di malam hari yang panjang, kerana jalan perjuangan itu panjang dan beban tanggungjawab amat berat dan ini sudah tentu memerlukan bekalan yang banyak dan bantuan yang besar. Melalui hubungan ini seseorang hamba bertemu dengan Tuhannya dalam suasana yang sunyi, penuh harapan dan kemesraan. Dari perhubungan-perhubungan ini dia akan meni'mati kerehatan yang mengatasi keletihan dan kepenatannya, dia akan memperolehi kekuatan yang mengatasi kelemahan dan kekurangannya. Ketika itulah jiwanya dapat menolak dan menepiskan perkara-perkara remeh-temeh yang mengganggu perasaan dan ketenteramannya, kerana yang besar dan penting kepadanya ialah tugas dan amanah da'wah. Oleh itu, segala duri-duri yang dialaminya di tengah dan perjuangan adalah dirasa kecil belaka.

Sesungguhnya Allah itu Maha Penyayang. Dia memberi tugas kepada Rasul-Nya menyampaikan da'wah dan menurunkan Al-Qur'an kepadanya. Dia tahu beban-beban dan duri-duri di jalan perjuangan da'wah ini, justeru itu Dia tidak membiarkan Nabi-Nya s.a.w. berjuang tanpa bantuan dan bekalan dan inilah bekalan yang diketahui-Nya sebagai bekalan hakiki yang sesuai untuk menempuh jalan perjuangan da'wah yang penat dan penuh duri itu. Itulah bekalan para penda'wah ke jalan Allah di setiap tempat dan setiap generasi. Itulah jalan, da'wah yang sama dan keadaan-keadaan persekitarannya juga sama. Sikap kebatilan terhadap da'wah adalah sama, sebab-sebabnya sama dan sarana-sarananya juga sama. Oleh itu, biarlah sarana-sarana da'wah yang benar itu ialah sarana-sarana yang diakui Allah untuk berjuang di jalan ini.

Pendeknya hakikat yang harus dihayati para penda'wah ialah hakikat yang diajarkan Allah kepada Rasulullah s.a.w. selaku penda'wah yang ulung iaitu tugas penyampaian da'wah ini adalah diturunkan dari Allah. Oleh itu, segala ajaran yang benar yang diturun oleh-Nya tidak boleh dicampuraduk dengan kebatilan-kebatilan yang dianjurkan oleh orang-orang kafir yang berdosa, kerana tiada jalan kerjasama di antara agama yang benar dengan agama yang batil, dan tiada jalan tengah yang menemukan di antara penganut-penganut agama yang benar dengan penganut-penganut agama yang batil. Kedua-duanya merupakan dua budaya yang berlainan. Kedua-duanya merupakan dua jalan yang tidak mempunyai titik pertemuan. Apabila agama yang batil dapat mengalahkan kumpulan orang-orang Mu'min yang lemah dan sedikit dengan kekuatan dan bilangannya yang ramai, kerana sesuatu hikmat yang diaturkan Allah, maka bekalan yang terjamin untuk meneruskan perjuangan ialah bersabar menunggu keputusan dari Allah, dan mencari bantuan dari-Nya dengan do'a dan tasbih di malam-malam hari yang panjang. Itulah bekalan yang terjamin untuk ke jalan ini.

Itulah hakikat yang besar yang pasti difahami dan dihayati oleh peneroka-peneroka jalan da'wah ini.

(Pentafsiran ayat 27)

Kemudian ayat yang berikut menekankan perbezaan yang wujud di antara budaya hidup yang diperjuangkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan budaya hidup jahiliyah dengan menyebut sifat mereka yang lalai dan cuai mencari kebaikan untuk diri mereka, dan sifat mereka yang memberi perhatian yang berat kepada perkara-perkara yang remeh-temeh dan cara berfikir mereka yang rendah dan kerdil:

"Sesungguhnya mereka (orang-orang kafir) cintakan kehidupan dunia dan membelakangkan Hari Akhirat yang amat berat."(27)

Orang-orang Kafir Hanya Memilih Kesenangan Dunia Sahaja

Orang-orang yang kafir itu hidup dengan cita-cita yang dekat dan kecil sahaja. Minat dan cita-cita mereka hanya tertumpu dalam lingkungan hidup dunia sahaja dan mereka tidak menghiraukan Hari Akhirat yang amat berat tanggungjawabnya dan amat berat akibatnya dan amat penting di dalam neraca hakikat. Mereka tidak mengikut jalan da'wah dan mereka tidak mempunyai titik pertemuan dengan orang-orang yang beriman dalam sesuatu matlamat atau sesuatu tujuan. Kekayaan, kekuasaan dan kesenangan mereka di dunia ini tidak diperhitungkan sedikit pun, kerana keni'matan dunia merupakan keni'matan yang amat sedikit. Mereka sebenarnya adalah manusia-manusia yang kecil dan kerdil.

Kemudian ayat ini juga menyindir kelalaian mereka yang tidak memikirkan kebaikan untuk diri mereka. Mereka hanya memilih dunia yang sebentar dan mengabaikan Hari Akhirat yang berat yang menunggu mereka di sana dengan rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka selepas melalui hisab yang amat sukar.

Ayat ini merupakan satu selingan untuk menguatkan tekad Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman dalam perjuangan menentang orang-orang kafir yang dikurniakan segala kemewahan dunia yang diingini mereka, di samping memberi amaran secara tidak langsung kepada mereka dengan kedatangan Hari Qiamat yang amat berat itu.

(Pentafsiran ayat 28)

Kemudian ayat yang berikut memperkecilkan kekuatan mereka. Andainya Allah telah memberi kekuatan kepada mereka, maka Dia juga berkuasa menghapuskan mereka dan menggantikan mereka dengan orang-orang yang lain dari mereka, tetapi Allah sengaja membiarkan mereka kerana sesuatu hikmat yang diaturkan perencanaannya yang kadim:

نَّحۡنُ خَلَقۡنَٰهُمۡ وَشَدَدۡنَآ أَسۡرَهُمۡۖ وَإِذَا شِئۡنَا بَدَّلۡنَآ أَمۡثَٰلَهُمۡ تَبۡدِيلًا ﴿٢٨﴾

"Kami telah menciptakan mereka dan menguatkan anggota-anggota dan sendi-sendi mereka, dan apabila Kami kehendaki Kami gantikan mereka dengan orang-orang seperti mereka."(28)

Orang-orang Kafir Harus Menyedari Sumber Kekuatan Dan Kewujudan Mereka Di Tangan Allah

Ayat ini mengingatkan orang-orang kafir yang merasa angkuh dengan kekuatan mereka supaya memikirkan di manakah sumber kekuatan dan kewujudan mereka di alam ini, di samping mententeramkan orang-orang Mu'min yang lemah dan sedikit itu supaya yakin bahawa yang memberi kekuatan itu ialah Allah Tuhan yang dipercayai mereka dan Tuhan yang mereka memperjuangkan da'wah-Nya. Ayat ini juga menanam di dalam hati mereka hakikat perencanaan Allah dan hikmat yang wujud di sebaliknya, dan mengikut perencanaan dan hikmat Ilahi inilah berlakunya segala peristiwa sehingga Allah memberi keputusan-Nya dan Dialah sebaik-baik Pembuat keputusan:

وَإِذَا شِئۡنَا بَدَّلۡنَآ أَمۡثَٰلَهُمۡ تَبۡدِيلًا ﴿٢٨﴾

"Apabila Kami kehendaki, Kami gantikan mereka dengan orang-orang seperti mereka."(28)

Mereka tidak berkuasa melawan Allah dengan kekuatan mereka, kerana Allahlah yang menciptakan mereka dan memberi kekuatan kepada mereka. Dan andainya Allah memberi tempoh kepada mereka dan tidak menukarkan mereka dengan orang-orang yang lain dari mereka, maka itu merupakan kemurahan dan kebaikan dari-Nya sahaja, juga merupakan keputusan dan hikmat dari-Nya sahaja.

Justeru itu ayat ini merupakan selingan untuk mengukuhkan pendirian Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya, juga untuk menyedarkan mereka yang menenggelamkan dirinya dalam keni'matan dunia semata-mata dan merasa angkuh dengan kekuatan mereka supaya mengenangkan ni'mat Allah yang tidak disyukuri mereka dan supaya mereka sedar kepada ujian dan dugaan Allah di sebalik kemewahan hidup dunia yang dini'mati mereka, iaitu ujian yang telah dijelaskan di bahagian pertama surah ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 31)

Kemudian ayat yang berikut menyedarkan mereka bahawa peluang untuk pulang ke pangkal jalan masih terbuka kepada mereka. Al-Qur'an menawarkan peluang itu kepada mereka dan mengingatkan mereka:

إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذۡكِرَةٞۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلٗا ﴿٢٩﴾

"Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an ini adalah peringatan. Oleh itu, sesiapa yang berkehendakkan (kebahagiaan) hendaklah dia memilih jalan menuju kepada Tuhannya."(29)

Setiap Insan Diberi Peluang Balik Ke Pangkal Jalan

Kemudian kenyataan ini diiringi dengan kenyataan yang menjelaskan tentang masyi'ah Allah yang mutlak dan mengembalikan segala sesuatu kepada kehendak masyi'ah-Nya supaya tujuan yang akhir ialah kembali kepada-Nya dan penyerahan diri yang akhir ialah penyerahan kepada keputusan masyi'ah-Nya, dan supaya manusia melepaskan semua kekuatan dan daya upaya dirinya untuk berpegang kepada kekuatan kehendak masyi'ah Allah. Inilah jantung dan hakikat Islam:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمٗا ﴿٣٠﴾

"Dan kamu tidak menghendaki sesuatu melainkan jika Allah menghendakinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(30)

Segala-galanya Terpulang Kepada Kehendak Allah

Penjelasan ini untuk menyedarkan hati manusia bahawa Allah itu adalah Pencipta Yang Bebas, Yang Maha Kuasa dan mengendalikan segala urusan mengikut masyi'ah-Nya supaya mereka belajar bagaimana hendak bertawajjuh dan berserah kepada perencanaan Allah. Inilah hakikat yang terkandung di, dalam ayat-ayat yang seumpama ini di samping menjelaskan masyi'ah Allah yang telah mengurniakan kepada mereka daya kebolehan untuk memahami kebenaran dan kebatilan, juga mengurniakan kepada mereka daya-daya kefahaman dan ilmu pengetahuan, menunjukkan kepada mereka jalan yang benar, mengutuskan para rasul dan menurunkan Al-Qur'an kepada mereka, namun semuanya itu berakhir dengan perencanaan Allah selaku tempat perlindungan kepada setiap yang mahu mencari perlindungan di mana Allah akan memberi kepadanya taufiq kepada Zikrullah dan kepada keta'atan. Apabila hatinya tidak mengenal hakikat qudrat Allah yang berkuasa di atas segala-galanya dan tidak bertawajjuh kepada-Nya untuk memohon pertolongan dan kemudahan, maka dia tidak akan mendapat hidayat, tidak akan dapat meni'mati Zikrullah dan tidak akan mendapat taufiq kepada kebaikan. Oleh sebab itulah Allah memasukkan:

يُدۡخِلُ مَن يَشَآءُ فِي رَحۡمَتِهِۦۚ وَٱلظَّٰلِمِينَ أَعَدَّ لَهُمۡ

عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣١﴾

"Dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya (Syurga) sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan untuk orang-orang yang zalim Allah sediakan 'azab yang amat pedih."(31)

Kehendak Allah itulah kehendak mutlak yang melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Di antara kehendak iradat-Nya ialah Allah memasukkan ke dalam rahmat-Nya sesiapa yang dikehendaki-Nya dari kalangan mereka yang mencari perlindungan-Nya, dan orang-orang yang memohon perlindungan-Nya supaya diberi taufiq kepada keta'atan dan hidayat.

وَٱلظَّٰلِمِينَ أَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣١﴾

"Dan untuk orang-orang yang zalim Allah sediakan 'azab yang amat pedih."(31)

Allah telah membiarkan mereka dan melanjutkan tempoh kesesatan mereka supaya mereka berakhir ke dalam 'azab yang amat pedih ini.

Ayat penamat ini sesuai dengan ayat pembukaan, kerana ia menggambarkan akibat ujian terhadap makhluk manusia yang diciptakan dari nutfah yang bercampur dengan benih lelaki dan perempuan, dan dikurniakan pendengaran dan penglihatan di samping ditunjukkan jalan sama ada menuju ke Syurga atau menuju ke Neraka.

* * * * * *